Perjanjian ini dibuat diantara InstaFinance Ltd. (selepas ini dirujuk sebagai Syarikat) dan Rakan Niaga. Kedua-dua belah Pihak telah bersetuju untuk perkara yang berikut:

1. Peruntukan Am
    1. Syarikat dan Rakan Niaga melaksanakan obligasi untuk merujuk Pelanggan supaya Pelanggan menjalankan operasi perdagangan dengan instrumen yang telah ditawarkan oleh Syarikat.
    2. Rakan Niaga menjalankan hak-hak dan kewajipan yang telah ditetapkan di dalam Perjanjian ini dengan merujuk kepada Pelanggan untuk memasuki kontrak perkhidmatan broker dengan Syarikat. Rakan Niaga juga bertanggungjawab dalam menjalankan hak-hak dan kewajipan-kewajipan lain yang akan dinyatakan selepas ini. Menghormati komitmen yang ditetapkan di dalam Perjanjian ini, Rakan Niaga merujuk Pelanggan bagi Syarikat yang yang bertindak di atas namanya.
    3. Rakan Niaga tanpa syarat mengakui bahawa semua Pelanggan yang telah dirujuk adalah Pelanggan Syarikat.
    4. Bahasa
        1. Bahasa yang diguna pakai dalam Perjanjian ini adalah Bahasa Inggeris.
        2. Untuk kemudahan Rakan Niaga, pihak Syarikat telah menyediakan versi terjemahan selain daripada bahasa Inggeris. Fungi terjemahan ini hanya bertujuan untuk maklumat semata-mata.
        3. Sekiranya terdapat percanggahan di antara versi Bahasa Inggeris dan bahasa terjemahan, maka terma dan syarat-syarat Perjanjian dalam Bahasa Inggeris akan dianggap sebagai sumber rujukan utama.
    5. Pengesahan Identiti Rakan Niaga
        1. Syarikat berhak untuk mendapatkan pengesahan pada mana-mana maklumat yang telah diberikan oleh Rakan Niaga sewaktu pendaftaran dengan program afiliasi. Untuk tujuan ini, Syarikat berhak untuk meminta salinan imbasan atau salinan ID Rakan Niaga yang telah disahkan (mengikut budi bicara Syarikat).
        2. Jika Rakan Niaga tidak menerima sebarang permohonan daripada Pihak Syarikat untuk salinan imbasan atau salinan ID yang disahkan, pengesahan akaun afiliasi hendaklah disifatkan sebagai pilihan. Walau bagaimanapun, Syarikat mempunyai hak untuk menyekat akses akaun yang tidak disahkan untuk perkhidmatan tertentu. Dalam kes ini, Rakan Niaga secara pilihan boleh melepasi prosedur pengesahan.
        3. Sebarang perubahan pada maklumat yang diberikan oleh Rakan Niaga sewaktu pendaftaran (nama, alamat rumah atau nombor telefon), Rakan Niaga hendaklah segera memaklumkan ke Jabatan Perhubungan Rakan Niaga Syarikat mengenai perubahan ini dan meminta Syarikat untuk mengemaskini maklumat anda.
        4. Rakan Niaga mengakui dan bersetuju bahawa kesemua maklumat yang diberikan sewaktu pendaftaran program afiliasi boleh digunakan oleh Pihak Syarikat di dalam kempen anti pengubahan wang haram.
        5. Rakan Niaga bertanggungjawab ke atas keaslian ID (salinan). Rakan Niaga mengakui hak Syarikat untuk menghubungi agensi penguatkuasaan undang-undang negara di mana ID itu dikeluarkan untuk mengesahkan kesahihannya jika ia dipersoalkan. Sekiranya dokumen ID didapati palsu, maka Pihak Syarikat berhak untuk membawa Rakan Niaga ke muka pengadilan menurut undang-undang semasa negara di mana ID itu dikeluarkan.
2. Hubungan dengan Pelanggan
    1. Rakan Niaga boleh memberikan apa-apa maklumat pengiklanan mengenai Syarikat merujuk kepada seksyen yang sama pada laman web Syarikat dan maklumat yang disahkan sahih oleh Syarikat kepada Pelanggan berpotensi.
    2. Rakan Niaga memberikan jaminan keaslian dan kesahihan undang-undang untuk kesemua dokumen dan kontrak yang telah diserahkan oleh Rakan Niaga kepada Pihak Syarikat atas nama Pelanggan.
    3. Rakan Niaga hendaklah memberikan Pelanggan dengan maklumat penting yang dipercayai berkaitan dengan kontrak perkhidmatan broker dengan Syarikat, menyediakan penjelasan mengenai isi kontrak dan perkhidmatan Syarikat kepada Pelanggan.
    4. Rakan Niaga bertanggungjawab untuk memberitahu Pelanggan mengenai risiko yang berkaitan dengan perdagangan mata wang sebelum Perjanjian Tawaran Awam ditandatangani.
    5. Menyediakan cadangan dan maklumat untuk tujuan memotivasikan Pelanggan dalam memulakan operasi/aktiviti perdagangan bukan sebahagian daripada perkhidmatan Syarikat. Bagi kes-kes yang luar biasa, Syarikat mempunyai hak untuk memberi maklumat, cadangan dan nasihat kepada Pelanggan mengikut budi bicara, namun Syarikat tidak akan bertanggungjawab terhadap akibat atau kesan daripada cadangan itu. Semua operasi perdagangan yang berasal dari maklumat yang tidak tepat atau kesilapan akan memberikan kesan dan wajib diambil tindakan oleh Pelanggan dan Syarikat.
    6. Rakan Niaga tidak seharusnya memberikan cadangan dan nasihat mengenai kegiatan perdagangan di dalam akaun perdagangan kepada Pelanggan. Jika sebaliknya, pihak Syarikat tidak akan bertanggungjawab terhadap akibat atau kesan daripada cadangan dan nasihat tersebut.
3. Hak dan kewajipan Rakan Niaga
    1. Rakan Niaga adalah diwajibkan untuk merujuk Pelanggan baru agar Pelanggan memerterai perjanjian perkhidmatan broker bersama dengan Syarikat dan beroperasi di pasaran kewangan antarabangsa di bawah terma dan syarat Syarikat. Komisen afiliasi hanya dibayar untuk deposit pertama pelanggan istimewa, yang tidak mempunyai sebarang akaun di dalam Syarikat sebelum ini.
    2. Rakan Niaga wajib membuka akaun afiliasi dengan Syarikat untuk mendapatkan komisen.
    3. Rakan Niaga tidak berhak untuk membuat sebarang sub-agensi dan perjanjian (kontrak) lain, yang memberikan hak untuk memberikan kuasa kepada Rakan Niaga, sepenuhnya atau sebahagian, kepada pihak ketiga di bawah Perjanjian ini tanpa persetujuan bertulis Syarikat terlebih dahulu. Tugasan hak permintaan hanya boleh dilakukan selepas mendapat persetujuan dari Syarikat.
    4. Rakan Niaga berhak untuk merancang dan melaksanakan kempen pemasaran dan pengiklanan, dengan syarat bahawa Syarikat telah meluluskan kempen tersebut.
    5. Syarikat berhak untuk membatalkan komisen afiliasi tanpa memberikan notis terlebih dahulu sekiranya Rakan Niaga didapati meminta kata kunci "InstaFinance Ltd." dan variasi ejaan, termasuk kata-kata menepati dalam bahasa lain, dalam enjin carian seperti Yandex, GOOGLE dan lain-lain untuk merujuk Pelanggan baru.
    6. Seperti yang telah ditetapkan dalam Perjanjian Tawaran Awam, akaun afiliasi ini boleh didapati dalam mod akaun pelanggan swasta,

sebagai contoh Rakan Niaga mempunyai hak untuk menjalankan operasi perdagangan dalam akaun afiliasi. Disebabkan oleh perubahan pesat dalam kadar pertukaran mata wang negara yang digunakan oleh Pelanggan untuk menambah akaun dagangan mereka, Syarikat mempunyai hak untuk menggunakan purata kadar pertukaran ini dalam di penyelesaian dagangan dengan Rakan Niaga.

7. Sekiranya terdapat sebarang isu yang berkaitan dengan aktiviti perniagaan dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Syarikat, Rakan Niaga hendaklah menghubungi segera Syarikat dan memaklumkan butiran masalah supaya Syarikat boleh membuat rundingan dengan Rakan Niaga untuk mecari jalan penyelesaian.
8. Rakan Niaga tidak berhak untuk menjalankan operasi perdagangan di dalam akaun perdagangan Pelanggan.
9. Rakan Niaga tidak berhak untuk membuat penyelesaian perdagangan dengan Pelanggan (tunai atau bukan tunai, dalam mata wang negara atau luar negara) dan menerima dana, sekuriti atau harta lain daripada Pelanggan.
10. Rakan Niaga berhak untuk memantau kecekapan kempen promosi melalui kod afiliasi dan statistik afiliasi yang disediakan oleh Syarikat.
11. Rakan Niaga berhak untuk mengisi semula akaun afiliasi dan membuat pengeluaran wang mengikut Perjanjian Tawaran Awam.
12. Rakan Niaga mempunyai hak untuk menggunakan reka bentuk produk jenama Syarikat untuk tujuan pengiklanan.
13. Rakan Niaga tidak berhak untuk merujuk Rakan-rakan Niaga yang lain.
14. Rakan Niaga tidak berhak untuk merujuk Pedagang PAMM dan menerima komisen bagi dagangan mereka.
15. Rakan Niaga berhak untuk merujuk pelabur PAMM.

4. Hak-hak dan kewajipan Syarikat
    1. Syarikat bertanggungjawab untuk membuka akaun dagangan untuk Pelanggan yang dirujuk oleh Rakan Niaga menurut Perjanjian Tawaran Awam.
    2. Syarikat perlu membenarkan Pelanggan untuk menjalankan operasi perdagangan dalam sistem dengan menyediakan log masuk dan kata laluan kepada Pelanggan.
    3. Syarikat bertanggungjawab untuk membuat bayaran kepada Rakan Niaga berdasarkan kepada lembaran pendapatan dan perbelanjaan bulanan mengikut tatacara yang dinyatakan dalam Fasal 10 di sini.
    4. Syarikat mempunyai hak untuk meminta Rakan Niaga untuk menyediakan laporan penuh mengenai tempoh dan keputusan Pelanggan merujuk kepada kempen.
    5. Syarikat mempunyai hak untuk menamatkan Perjanjian ini sekiranya Rakan Niaga tidak merujuk 3 atau lebih Pelanggan dalam tempoh 30 hari sejak pendaftaran dengan program afiliasi Syarikat. Rakan Niaga tidak berhak untuk merujuk saudara terdekat jika Rakan Niaga adalah seorang individu, atau saudara terdekat pengasas jika Rakan Niaga merupakan entiti undang-undang. Rakan Niaga tidak berhak untuk merujuk akaun sendiri.
    6. Syarikat mempunyai hak untuk mengecualikan akaun dagangan Pelanggan dari kumpulan afiliasi sekiranya akaun tersebut tidak diisi semula atau didagangkan di dalam tempoh 30 hari sejak pendaftaran dalam kabinet Pelanggan.
    7. Sekiranya Rakan Niaga gagal untuk melaksanakan mana-mana obligasi di bawah Perjanjian ini, maka pihak Syarikat berak untuk mengecualikan Pelanggan dari program afiliasi.
    8. Syarikat mempunyai hak untuk memaklumkan Pelanggan kumpulan afiliasi mengenai komisen yang diterima oleh Rakan Niaga dari operasi perdagangan yang dijalankan oleh mereka di pasaran kewangan antarabangsa menurut kepada Perjanjian ini.
    9. Sekiranya Rakan Niaga didapati telah melanggar atau gagal melaksanakan mana-mana obligasi di bawah Perjanjian ini, maka pihak Syarikat berhak untuk menamatkan Perjanjian ini mengikut kepada budi bicara secara mutlak.
    10. Syarikat berhak untuk mengenakan tindakan lain yang ditetapkan dalam Perjanjian ini dan pada Lampiran.
    11. Syarikat akan membayar komisen hanya satu kali untuk setiap pedagang aktif baru yang dirujuk oleh Rakan Niaga tanpa mengira hak sama ada Pelanggan mendapat keuntungan atau sebaliknya. Syarikat mengekalkan hak untuk menolak atau menangguhkan pembayaran komisen sekiranya jumlah operasi dagangan tidak mencukupi bagi pelanggan yang dirujuk.
5. Prinsip kerja Rakan Niaga dan rujukan Pelanggan
    1. Rakan Niaga berhak untuk menubuhkan laman web yang berkaitan dengan kegiatan Syarikat yang mengandungi maklumat tentang pasaran antarabangsa kewangan dan perkhidmatan broker, perkhidmatan pelaburan dan peniaga dengan mengambil kira Fasal 3 dalam perjanjian ini.
    2. Pelanggan yang telah mendaftar dan dirujuk kepada kumpulan afiliasi berdasarkan kepada salah satu kaedah yang berikut:
        1. Pelanggan klik pada pautan afiliasi ke laman web rasmi Syarikat.
        2. Pelanggan memasukkan kod afiliasi ke dalam borang pendaftaran akaun dagangan.
        3. Rakan Niaga menghantar borang pengesahan Pelanggan yang telah ditandatangani oleh Pelanggan kepada Syarikat.
    3. Pelanggan boleh memilih untuk menolak perkhidmatan Rakan Niaga dan memilih untuk mendapatkan perkhidmatan dari pihak Syarikat.
    4. Bagi tujuan untuk mengelakkan persaingan yang tidak sihat, ia adalah dilarang sama sekali untuk memindahkan pelanggan dari satu kumpulan afilasi ke kumpulan yang lain, dan juga untuk memindahkan Pelanggan semasa ke dalam kumpulan afiliasi. Fasal Perjanjian ini juga hendaklah dipatuhi oleh Pelanggan semasa yang membuka akaun baru dengan Syarikat dengan tujuan untuk memindahkan mereka ke kumpulan afiliasi. Nota: Pelanggan boleh mendapatkan penjelasan daripada pihak Syarikat mengapa dia berpindah ke kumpulan afiliasi lain. Syarikat akan mempertimbangkan dan memberikan keputusan terhadap setiap permohonan secara individu.
    5. Rakan Niaga tidak berhak untuk mendapatkan komisen afiliasi dari akaun sendiri dan yang dimiliki oleh saudara terdekat beliau sekiranya Rakan Niaga adalah seorang individu; dan juga dari akaun peribadi pengasas atau akaun saudara terdekat mereka sekiranya Rakan Niaga adalah merupakan entiti undang-undang.
6. Penyelesaian pertikaian
    1. Rakan Niaga mempunyai hak untuk memfailkan tuntutan dengan pihak Syarikat dalam tempoh 5 hari bekerja dari tarikh awal Rakan Niaga menyedari mana-mana kejadian yang boleh didakwa untuk tuntutan.
    2. Mana-mana tuntutan oleh Rakan Niaga terhadap pihak Syarikat hendaklah sama ada bertulis atas kertas dan dihantar kepada Syarikat melalui mel biasa atau kurier atau melalui e-mel kepada salah satu alamat e-mel rasmi Syarikat seperti yang dinyatakan di laman web

Syarikat. Tuntutan yang dibuat dengan cara lain (forum, telefon dan lain-lain) tidak akan diambil kira.

3. Butiran tuntutan hendaklah mengandungi:
    1. Nama awal dan nama akhir Rakan Niaga / nama syarikat Rakan Niaga;
    2. Keterangan asas mengenai isu pertikaian;
    3. Lain-lain butiran mengenai isu pertikaian yang berpotensi menyumbang kepada penyelesaian pertikaian.
4. Butiran tuntutan tidak boleh mengandungi:
    1. Penilaian beremosi mengenai isu pertikaian;
    2. Penyalahgunaan verbal Syarikat;
    3. Caci makian.
5. Syarikat mempunyai hak untuk meminta Pelanggan / Rakan Niaga memberikan apa-apa jua maklumat yang diperlukan untuk penyelesaian pertikaian.
6. Syarikat berhak untuk menolak tuntutan jika peruntukan yang dinyatakan dalam Fasal 6.2, 6.3, 6.4, 7.2 dan 7.3 tidak dipenuhi.
7. Syarikat bertanggungjawab untuk memeriksa tuntutan Rakan Niaga, memberikan keputusan mengenai pertikaian tersebut dalam kadar segera dan e-mel kepada Rakan Niaga. Tempoh maksimum untuk siasatan isu pertikaian adalah 10 hari bekerja bermula dari tarikh tuntutan difailkan.
8. Pertikaian mengenai tafsiran atau pemakaian Perjanjian ini hendaklah diselesaikan melalui rundingan.
9. Pertikaian mungkin akan difailkan ke mahkamah di bawah prosedur penyelesaian pertikaian. Tuntutan boleh dikemukakan kepada pihak mahkamah sekiranya berlaku ketidakpuasan hati terhadap keputusan pertikaain, atau tidak ada tindak balas terhadap tuntutan tersebut dalam tempoh yang dinyatakan dalam Fasal 6.5, 7.2 dan 7.3 dalam perjanjian ini.

7. Pertukaran maklumat
    1. Syarikat akan menghubungi Rakan Niaga melalui kaedah komunikasi yang berikut:
        1. e-mel;
        2. fax;
        3. telefon;
        4. mel biasa;
        5. pengumuman di dalam seksyen yang bersesuaian pada laman web Syarikat;
        6. mel dalaman di platform perdagangan;
        7. lain-lain alat komunikasi yang telah ditetapkan oleh Syarikat (Skype, ICQ, dan lain-lain)
    2. Rakan Niaga boleh menghubungi Syarikat dengan menggunakan kaedah komunikasi yang disenaraikan dalam Klausa 7.1 dalam perjanjian ini.
    3. Mesej, dokumen, iklan, notis, pengesahan, laporan dan lain-lain akan dianggap telah diterima oleh pihak satu lagi:
        1. jam selepas mesej dihantar melalui e-mel;
        2. jam selepas mesej dihantar melalui mel dalaman platform dagangan;
        3. jam selepas mesej dihantar melalui faks;
        4. serta merta selepas perbualan telefon selesai;
        5. hari kalendar selepas dokumen dihantar melalui mel biasa;
        6. jam selepas pengumuman disiarkan di laman web Syarikat.
8. Maklumat sulit
    1. Rakan Niaga tidak berhak untuk mendedahkan maklumat yang diterima daripada Syarikat semasa bekerjasama dan isi Perjanjian sepanjang tempoh kesahihan Perjanjian ini dan dalam tempoh 5 tahun selepas perjanjian tamat.
    2. Rakan Niaga tidak berhak untuk mendedahkan maklumat sulit mengenai perniagaan dan perkhidmatan yang ditawarkan Syarikat kepada pihak ketiga saingan.
    3. Kedua-dua Pihak hendaklah memastikan kerahsiaan data peribadi Pelanggan dan akaun serta maklumat perdagangan yang dijalankan oleh Pelanggan.
9. Perolehan dan penyelesaian bersama
    1. Sekiranya data pendaftaran sama, sebahagian atau sepenuhnya, dengan data pendaftaran Pelanggan yang tergolong dalam kumpulan afiliasi ini, maka pihak Syarikat berhak untuk menganggap ini sebagai suatu kebetulan dan alasan untuk memohon Fasal 5.5 dan 9.4 daripada Perjanjian ini ke akaun afiliasi sepenuhnya.
    2. Sekiranya akaun Pelanggan dimiliki oleh kumpulan afiliasi daripada akaun afiliasi Rakan Niaga dan didapati menggunakan alamat IP yang sama, maka pihak Syarikat berhak untuk menganggap ini sebagai suatu kebetulan dan alasan untuk memohon Fasal 5.5 dan 9.5 dalam Perjanjian semasa ke akaun afiliasi sepenuhnya.
    3. Syarikat boleh menganggap kes-kes pelanggaran Fasal 3.1, 5.4. dan 9.4. dalam Perjanjian ini oleh Rakan Niaga sebagai aktiviti yang tidak selaras dengan prinsip-prinsip program afiliasi. Pelanggan yang dirujuk melalui pelanggaran pada Fasal Perjanjian seperti yang dinyatakan di atas ini hendaklah dikecualikan daripada kumpulan afiliasi dan komisen yang diperolehi daripada perdagangan mereka akan dibatalkan sepenuhnya.
    4. Syarikat mempunyai hak untuk menafikan permintaan Rakan Niaga untuk mengeluarkan komisen afiliasi sekiranya Syarikat berjaya mengesan penyalahgunaan pada Perjanjian ini dan aktiviti Rakan Niaga yang tidak konsisten dengan Perjanjian ini.
    5. Setiap bulan, Rakan Niaga mempunyai hak untuk meminta Syarikat untuk memeriksa bilangan Pelanggan yang telah dirujuk dan bilangan akaun Pelanggan.
    6. Sekiranya perintah ke atas akaun Pelanggan yang dirujuk didapati telah melanggar perjanjian awam InstaFinance Ltd., syarat-syarat sistem bonus atau komisen dikenakan dari akaun yang wujud penipuan, maka pihak Syarikat mempunyai hak untuk membatalkan komisen dari akaun tersebut dan mengeluarkan Pelanggan tersebut daripada kumpulan afiliasi.
    7. Komisen akan dikreditkan ke akaun afiliasi selepas tempoh 1 bulan kalendar selepas Pelanggan membuat pendepositan. Tempoh maksimum tidak ditetapkan untuk mengelakkan penyalahgunaan program ini.
    8. Sekiranya Pelanggan dari kumpulan afiliasi menghantarkan permohonan tuntutan berkenaan perintah bahawa Rakan Niaga telah menerima komisen ke Jabatan Urusan Syarikat, maka Syarikat berhak untuk membatalkan komisen afiliasi sepenuhnya.

    9. Syarikat akan membayar komisen kepada Rakan Niaga berdasarkan kepada Lampiran 1 dalam Perjanjian ini.
    10. Kedua-dua belah pihak mengaku bersetuju untuk mengira dan membayar cukai mereka dan kewajipan pihak ketiga fiskal secara bebas
    11. Permohonan untuk membuat pengeluaran komisen afiliasi akan diproses dalam tempoh yang ditakrifkan oleh sistem pembayaran, walau bagaimanapun, sekiranya suruhanjaya yang diperoleh daripada akaun rujukan telah didepositkan melalui kad kredit dan beberapa sistem pembayaran yang lain, maka tempoh boleh dilanjutkan kepada 45 hari kalendar bermula dari tarikh pengisian dana semula yang terakhir melalui sistem ini dengan kebarangkalian lanjutan tempoh masa jika diperlukan. Syarikat akan memaklumkan dengan sewajarnya kepada Rakan Niaga berkenaan perlaksanaan sekatan.
    12. Syarikat perlu membayar komisen afiliasi kepada Rakan Niaga hanya sekiranya Rakan Niaga berjaya menarik tidak kurang dari 3 orang Pelanggan untuk berdagang.
10. Peruntukan akhir
    1. Perjanjian ini berkuatkuasa mulai tarikh ia ditanda tangani oleh kedua-dua belah Pihak.
    2. Perjanjian semasa ini sah untuk tempoh 12 bulan selepas ia ditanda tangani oleh kedua-dua Pihak.
    3. Sekiranya syarat-syarat di dalam Perjanjian ini dipenuhi, Perjanjian ini hendaklah dilanjutkan untuk tempoh masa yang tidak terbatas.
    4. Syarikat mempunyai budi bicara yang mutlak untuk meminda dan menambah mana-mana terma dan syarat yang ditetapkan dalam Perjanjian ini dan hendaklah memberikan notis 5 hari kalendar terlebih dahulu.
    5. Mana-mana Pihak boleh menamatkan Perjanjian semasa ini dengan memberikan sekurang-kurangnya notis 5 hari kalendar terlebih dahulu kepada Pihak yang satu lagi.
    6. Mana-mana Pihak berhak untuk memohon kepada mahkamah untuk menamatkan Perjanjian ini sekiranya pelanggaran kewajipan berulang oleh Pihak yang satu lagi dan kes-kes lain seperti yang dinyatakan dalam undang-undang semasa.
    7. Tiada pindaan, tambahan atau lampiran pada perjanjian ini yang akan berkuat kuasa melainkan jika ia adalah secara bertulis dan ditandatangani oleh wakil-wakil yang diberi kuasa oleh mana-mana Pihak dalam had masa yang ditetapkan oleh pindaan, tambahan dan lampiran. Jika tarikh berkuatkuasa tidak dinyatakan, maka ia hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh dimana kedua-dua belah Pihak telah menandatangani.
    8. Perjanjian semasa ini dan lampirannya akan disediakan dalam dua salinan yang mana setiap Pihak hendaklah menyimpan satu salinan. Setiap salinan hendaklah disifatkan sama sahnya.

---

* Lampiran#1:
Penyelesaian bersama

1. Jumlah komisen afiliasi adalah tetap.
    1. Syarikat perlu membayar komisen kepada Rakan Niaga menyamai dengan jumlah deposit awal Pelanggan sekiranya Pelanggan telah membuat deposit awal dalam jumlah kurang daripada 200 dolar Amerika.
    2. Syarikat hendaklah membayar komisen kepada Rakan Niaga sebanyak 200 dolar Amerika sekiranya Pelanggan telah membuat deposit awal dari jumlah 200 dolar Amerika hingga 500 dolar Amerika.
    3. Syarikat akan membayar komisen kepada Rakan Niaga sebanyak 300 dolar Amerika sekiranta Pelanggan telah membuat deposit awal dari jumlah 500 dolar Amerika hingga 1,000 dolar Amerika.
    4. Syarikat akan membayar komisen kepada Rakan Niaga sebanyak 500 dolar Amerika sekiranya kes Pelanggan telah membuat deposit awal dari jumlah 1,000 dolar Amerika hingga 2,500 dolar Amerika.
    5. Syarikat hendaklah membayar komisen kepada Rakan Niaga sebanyak 750 dolar Amerika sekiranya Pelanggan telah membuat deposit awal dari jumlah 2,500 dolar Amerika hingga 5,000 dolar Amerika.
    6. Syarikat hendaklah membayar komisen kepada Rakan Niaga sebanyak 1000 dolar Amerika sekiranya Pelanggan telah membuat deposit awal dari jumlah 5,000 dolar Amerika hingga 10,000 dolar Amerika.
    7. Syarikat hendaklah membayar komisen kepada Rakan Niaga sebanyak 1500 dolar Amerika sekiranya Pelanggan telah membuat deposit awal dari jumlah 10,000 dolar Amerika hingga 20,000 dolar Amerika.
    8. Syarikat akan membayar komisen kepada Rakan Niaga sebanyak 2000 dolar Amerika sekiranya Pelanggan membuat deposit awal melebihi 20,000 dolar Amerika.
2. Mana-mana bayaran lain adalah berkemungkinan hanya sekiranya Syarikat dan Rakan Niaga bersetuju dalam perjanjian cagaran.